



Solat berjemaah keluarga Geologi yang diimamkan Sdr. Jubair Juhinin.



Ceramah motivasi oleh Prof. Dr. Felix Tongkul.

GEOSOUL 2012

Artikel oleh: Hennie Fitria W. Soehady Erten

Pada 25 Mei 2012 lalu, Program Geologi telah mengadakan program kerohanian untuk pertama kalinya iaitu GEOSOUL 2012 bersempena dengan peperiksaan akhir Semester II Sesi 2011/2012 yang akan tiba. Bertempat di BK 2 -4, SST, GEOSOUL 2012 dihadiri oleh para pensyarah, pelajar pascasiswazah dan khususnya para pelajar program Geologi. Program dimulakan dengan solat maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Sdra. Jubair Juhinin, diikuti dengan tazkirah ringkas dan ucapan oleh Dekan SST, Prof. Madya Dr. Baba Musta. Program diteruskan dengan solat isyak dan solat hajat berjemaah. Bagi pelajar bukan Muslim, slot ceramah moral dan motivasi diadakan dan disampaikan oleh Prof. Dr. Felix Tongkul. Adalah diharapkan program seperti ini dapat diteruskan bagi pengisian aspek kerohanian selain bersama-sama mendoakan kejayaan para pelajar Geologi dalam peperiksaan yang bakal menjelma. Program diakhiri dengan jamuan ringkas dan sesi bergambar.